

NC LAKUKAN LAWATAN KE SSS

JUMAAT, 19 APRIL—Naib Canselor (NC) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Dato' Dr. Mohd Harun Abdullah telah melakukan lawatan kerja di Sekolah Sains Sosial (SSS) tepat jam 9.00 pagi. Beliau diiringi Dekan Sekolah Sains Sosial, Prof. Madya Haji Inon Shaharudin Abdul Rahman, beberapa pegawai kanan UMS serta Ketua-ketua Program SSS.

Acara bermula dengan lawatan beliau melihat ruang persekitaran SSS, beberapa lokasi pengajaran dan pembelajaran. Kemudiannya acara diteruskan dengan sesi dialog bersama kakitangan akademik dan pelajar pasca

siswazah. Sesi ini berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama (BMU) Tingkat 3.

Sesi dialog dimulakan dengan ucapan Dekan SSS yang me-rakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas kesudian NC meluangkan masa bertemu dengan kakitangan SSS. Majlis diteruskan dengan ucapan ringkas NC yang antara lainnya menjelaskan UMS akan terus berusaha memberikan sumbangan pendidikan kepada masyarakat di Sabah khususnya dan Malaysia amnya. Sehubungan itu, beliau menjelaskan UMS tidak akan dicadang dijadikan universiti penyelidikan

sebaliknya akan kekal menjadi universiti komprehensif. Bagi menjayakan hasrat ini, semua ahli akademik perlu menonjolkan keunikan bidang masing-masing sama ada melalui penawaran kursus ataupun penyelidikan yang dijalankan.

Selanjutnya sesi dialog mengambil tempat dengan pelbagai isu yang diutarakan bagi mendapatkan penjelasan sama ada daripada NC mahupun pegawai kanan UMS. Isu yang diutarakan telah dijelaskan melalui sesi dialog ini. Beberapa isu yang dibangkitkan pula memerlukan tindakan susulan daripada pihak

berkaitan.

Lawatan kerja NC juga turut merasmikan projek yang dijalankan oleh pelajar Program Antropologi dan Sosiologi (ANSOS) mengindahkan kawasan rehat SSS. NC menandatangani plug sebagai simbolik perasmian.

Pelajar ANSOS juga turut mengadakan program derma darah sempena kunjungan NC.

Lawatan Kerja NC ke SSS diakhiri dengan majlis makan tengahari di ruang legar SSS yang dihadiri oleh semua kakitangan SSS dan pelajar pasca.